

## NOTIS SEBUTHARGA

(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing **yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga** bagi kerja-kerja berikut:-

No.Kontrak	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
QUO/FA/005/19(BS)	Sebutharga Bagi Kerja-Kerja Mengecat, Membekal Dan Membina Pagar Keselamatan Di Rumah Pam Bukit Minyak Dan Tangki Air Taman Remia (Press Steel) Dan Pemasangan Papan Tanda Serta Kerja-kerja Berkaian Di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)- (Maklumat Perniagaan) Serta Beralamat Pendaftaran Di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang Sahaja. DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1 Kategori CE21 dan B14	20/02/2019 10.00 pagi, Rumah Pam PBAPP Bukit Minyak, SPT	06/03/2019

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di atas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor **yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut**.

Untuk maksud ini wakil kontraktor bagi sebutharga ini hendaklah menghadiri dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Surat asal Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** serta **satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **20hb Februari 2019** pada waktu pejabat **(9.00 pagi hingga 4.00 petang)**. Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai sahaja.

Sebutharga akan ditutup pada **06hb Mac 2019, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.  
L4, ICT, FASA 1B, TINGKAT 4,  
KOMTAR, 10000 PULAU PINANG.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, 10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tgh.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**